

Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian – Colour
Ekonomi, P. B2 (1 of 1)

Date: November 1, 2006

EKONOMI



TERSERGAM INDAH: Kompleks lapan tingkat dengan ruang pejabat di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sudah mula beroperasi semasa sesi lawatan media ke PKFZ di Pulau Indah, semalam.

PKFZ mula beroperasi

Zon bebas perindustrian, komersial terima pelabur pertama

Oleh Hizral Tazzif Hisham

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu pertama di Malaysia mula beroperasi hari ini, dengan menerima pelabur pertamanya. Aker Kvaerner (AK), syarikat kejuruteraan minyak dan gas Norway.

AK menyewa 27.6 hektar tanah di PKFZ dan akan melabur RM400 juta bagi mendirikan pusat pembuatan untuk menyokong aktiviti penerokaan minyak dan gasnya di Asia Pasifik.

Pengurus Besar, Port Klang Free Zone Sdn Bhd (PKFZSB), Noel Gulliver, berkata selain AK, PKFZSB juga sedang memuktamadkan perbincangan dengan lima lagi pelabur bagi menyewa 28 hektar tapak industri di PKFZ.

"Di samping itu, 10 lagi pelabur sudah menyatakan minat untuk menyewa 14 unit bangunan industri ringan manakala empat syarikat pula berminat menyewa kompleks pejabat," katanya pada sidang akhbar selepas lawatan pihak media ke PKFZ semalam.

PKFZ yang berkeluasan 400 hektar

menyediakan kemudahan empat kompleks lapan tingkat dengan ruang pejabat, pejabat PKFZSB, kompleks kastam, unit industri ringan dan tapak industri tersedia.

PKFZ yang terletak bersebelahan Westports di Pulau Indah itu sudah diwartakan sebagai zon bebas yang membenarkan aktiviti komersial dan

pengilangan dilaksanakan serentak.

Ini membolehkan kilang dan firma logistik ditempatkan dalam zon yang sama bagi memudahkan penyelarasan dan pengurusan rangkaian bekalan.

Antara insentif yang disediakan di zon bebas itu termasuk pengecualian cukai, insentif eksport, insentif pe-

nyelidikan dan pembangunan (R&D), 100 peratus ekuiti asing dan 100 peratus penghantaran pulang modal dan keuntungan.

PKFZ diuruskan oleh JAFZA International bagi tempoh 15 tahun sebelum ia diambil alih tenaga tempatan.

JAFZA International sebelum ini membantu kerajaan Maghribi dan Djibouti menubuhkan inisiatif yang sama serta memiliki pengalaman lebih 20 tahun mengendalikan dan menguruskan zon bebas serta pelabuhan.

Gulliver berkata, PKFZ akan menjadi penggerak pertumbuhan Pelabuhan Klang sebagai entropi yang mampu menyediakan kemudahan sehenti bagi memproses dan menambah nilai barangan serta perkhidmatan sebelum ia dieksport.

"Impak PKFZ kepada Pelabuhan Klang dijangka dilihat dalam tempoh antara dua hingga tahun, terutama dalam peningkatan bilangan kontena yang dikendalikan.

"PKFZ juga akan menjadi pusat bagi syarikat yang beroperasi di Zon Bebas Jebel Ali di Dubai untuk memperluaskan perniagaan mereka ke rantau Asia Pasifik," katanya.



“PKFZ akan menjadi penggerak pertumbuhan Pelabuhan Klang sebagai entropi yang mampu menyediakan kemudahan sehenti”

Noel Gulliver
Pengurus Besar, Port Klang Free Zone Sdn Bhd